

Pelajar sekolah jadi pengedar dadah ditahan

UTUSAN 4.06.2008 M/S 27.

KUALA LUMPUR 3 Jun - Hasrat seorang remaja lelaki berusia 17 tahun dan masih bersekolah untuk menjadi pengedar dadah secara aktif tidak kesampaian apabila kegiatannya berjaya dikesan dan dia ditahan polis pada Sabtu lalu.

Ironinya, suspek hanya mula 'berkecimpung' dalam kegiatan itu di sekitar Cheras sejak seminggu lalu.

Ekoran maklumat orang ramai, suspek ditahan kira-kira pukul 10.30 malam berhampiran kediamannya di sebuah pangsa-

puri di Jalan Cheras di sini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Kang Chez Chiang berkata, suspek ditahan berikutan penemuan bungkusan yang mengandungi dadah jenis ganja seberat 19.35 gram di dalam raga motosikal milik bapanya.

"Polis percaya suspek ketika itu sedang menunggu panggilan daripada pelanggan sebelum membuat penghantaran dadah itu," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Chez Chiang memberitahu, susulan tangkapan itu, polis menemui kira-kira 280 gram ganja lagi bernilai mencecah RM1,000 yang tersimpan di dalam bilik suspek.

"Pemeriksaan ke atas bilik suspek mendapati taktik licik digunakan remaja itu termasuk membungkus stok seolah-olah seperti nasi lemak menggunakan daun pisang dan keratan akhbar," jelasnya.

Ujar beliau, pihaknya sedang menyiasat dari mana suspek memperoleh bekalan dan siasatan turut menjurus kepada ke-

mungkinan pelajar sekolah dieksploitasi oleh sindiket dadah tertentu.

Menurut Chez Chiang, suspek direman sehingga Jumaat ini untuk disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati.

"Namun besar kemungkinan suspek remaja itu akan terlepas dari hukuman tersebut kerana dia masih dianggap pesalah juvana. Terpulanglah kepada budi bicara mahkamah," ujarnya.